

D.R. 24/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993. Tajuk ringkas.
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Jadual" atau "JADUAL" masing-masing di mana-mana jua terdapat dalam Akta ibu perkataan "Pertama" atau "PERTAMA". Pindaan am. Akta 341.
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (6) yang berikut: Pindaan seksyen 3.

"(6) Pangkat Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua."

Pindaan
seksyen 7.

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "29," dalam subseksyen (1), perkataan "35A,"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili perjalanan mana-mana kuasanya atau pelaksanaan mana-mana tugasnya di bawah Akta ini kepada mana-mana Pegawai Bomba, dan jika Ketua Pengarah bertindak di bawah subseksyen ini, dia hendaklah menyatakan had-had kawasan dan tempoh masa bidang kuasa yang diwakilkan."

Seksyen
baru 35A
dan 35B.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 35, seksyen baru 35A dan 35B yang berikut:

“Kuasa Ketua Pengarah untuk memertahkan kegiatan dihentikan dalam kes-kes mendesak. 35A. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta ini, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) apa-apa kegiatan yang berterusan dalam mana-mana premis akan menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta yang memudaratkan keselamatan nyawa atau harta; dan
- (b) kelewatan dalam memohon dan mendapatkan suatu perintah larangan di bawah seksyen 35(2) akan dengan nyatanya meningkatkan risiko pada nyawa atau harta itu,

dia boleh, melalui perintah, mengarahkan pemunya atau penghuni premis itu supaya menghentikan kegiatan itu.

(2) Sesuatu perintah untuk menghentikan kegiatan hendaklah dalam Borang G dan hendaklah disampaikan kepada pemunya dan penghuni premis itu kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu perintah Ketua Pengarah yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Rayuan terhadap perintah Ketua Pengarah supaya menghentikan kegiatan.

35B. (1) Seseorang pemunya atau penghuni yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perintah supaya menghentikan kegiatan yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 35A(1) boleh, dalam masa sepuluh hari dari pembuatan perintah itu, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(2) Sesuatu rayuan terhadap perintah supaya menghentikan kegiatan tidaklah berkuatkuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan, tetapi mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila diberi sebab yang mencukupi, membenarkan penggantungan pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkanriya patut".

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 48A, seksyen baru 48B yang berikut: Seksyen baru 48B.

“Wang bagi Kumpulan Wang hendaklah diperdapatkan hanya dengan kebenaran. 48B. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa kegiatan untuk memperdapatkan wang bagi Kumpulan Wang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa. (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”

7. Seksyen 62 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (c) dalam subseksyen (1), perenggan baru (ca) yang berikut: Pmdaan seksyen 62.

“(ca) mengawalselia penubuhan pasukan bomba sukarela;”

Pindaan
Jadual
Pertama.

8. Jadual Pertama Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Borang F, Borang G baru yang berikut:

“
BORANG G
(Seksyen 35A(1))

PERINTAH SUPAYA MENGHENTIKAN KEGIATAN

BAHAWASANYA Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba berpuas hati bahawa terdapat berkenaan dengan.....

.....
(premis)

suatu kegiatan, iaitu,.....

.....
dan bahawa apa-apa penerusan kegiatan ini akan menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta yang memudaratkan keselamatan nyawa dan harta;

DAN BAHAWASANYA Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba berpuas hati bahawa apa-apa kelewatan kerana permohonan bagi mendapatkan, dan pemerolehan, perintah larangan daripada Mahkamah Tinggi akan dengan nyatanya meningkatkan risiko kepada nyawa atau harta itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN saya, menurut seksyen 35A(1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, dengan ini memerintahkan supaya kegiatan.....

.....
dalam premis yang tersebut di atas dihentikan dengan serta-merta.

Bertarikh.....haribulan19.....

.....
(Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba) ”.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Jadual Pertama, Jadual Kedua baru yang berikut: ^{Jadual Kedua baru.}

“
JADUAL KEDUA
(Seksyen 3(6) dan 3(7))

[A] PANGKAT PEGAWAI BOMBA

Pesuruhjaya
Timbalan Pesuruhjaya
Penolong Kanan Pesuruhjaya
Penolong Pesuruhjaya
Penguasa Kanan
Penguasa
Penguasa Percubaan
Penolong Kanan Penguasa
Penolong Penguasa
Penolong Penguasa Percubaan
Pegawai Bomba Gred I
Pegawai Bomba Gred II
Pegawai Bomba Gred III
Pegawai Bomba Percubaan Gred III
Ketua Ahli Bomba
Ahli Bomba Kanan
Ahli Bomba

[B] PANGKAT PEGAWAI BOMBA BANTUAN

Pegawai Bomba Gred III
Pegawai Bomba Percubaan Gred III
Ketua Ahli Bomba
Ahli Bomba Kanan
Ahli Bomba

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

2. *Fasal 1* memberikan tajuk ringkas Rang Undang-Undang ini.
3. *Fasal 2* bertujuan membuat pindaan am dengan memasukkan perkataan "Pertama" atau "PERTAMA" selepas perkataan "Jadual" atau "JADUAL" di mana-mana jua terdapat dalam Akta. Pindaan

ini adalah perlu disebabkan oleh kemasukan suatu Jadual Kedua baru dalam Rang Undang-Undang.

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan subseksyen baru (6) bagi memperuntukkan bahawa pangkat Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua baru.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7 untuk memasukkan kuasa Ketua Pengarah di bawah seksyen 35A(1) sebagai salah satu kuasa yang boleh, tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pengarah, dijalankan oleh seorang Pengarah Negeri. Di bawah *subfasal 4(b)* Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili penjalanan mana-mana kuasanya atau pelaksanaan mana-mana tugasnya kepada mana-mana Pegawai Bomba. Sebelum ini perwakilan sedemikian terpaksa dibuat melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

6. *Fasal 5* bertujuan memasukkan dua peruntukan baru, iaitu seksyen 35A dan 35B. Seksyen baru 35A yang dicadangkan bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengarahkan pemunya atau penghuni mana-mana premis menghentikan apa-apa kegiatan jika dia berpuas had bahawa penerusan kegiatan itu akan menimbulkan bahaya kebakaran serta merta yang memudaratkan keselamatan nyawa dan harta. Ketua Pengarah hendaklah juga berpuas hati, sebelum membuat sesuatu perintah di bawah seksyen 35A(1), bahawa apa-apa kelewatan dalam mendapatkan perintah larangan akan dengan nyatanya meningkatkan risiko kepada nyawa atau harta itu. Seksyen baru 35B membuat peruntukan bagi rayuan dibuat kepada Mahkamah Tinggi terhadap perintah Ketua Pengarah yang dibuat di bawah seksyen 35A(1). Bagaimanapun rayuan itu tidak akan berkuatkuasa secara automatik sebagai suatu penggantungan pelaksanaan, walaupun mahkamah boleh, atas permohonan, membenarkan penggantungan mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

7. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 48e untuk mencegah orang-orang yang tidak bertanggungjawab menjalankan kegiatan yang dikatakan untuk memperdapatkan wang bagi Kumpulan Wang Kebajikan tanpa pengetahuan atau kelulusan Ketua Pengarah. Seksyen baru 48B melarang seseorang daripada menjalankan kegiatan sedemikian tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Jawatankuasa Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Pelanggaran peruntukan ini akan menjadi suatu kesalahan.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 62 untuk memberi Menteri kuasa membuat peraturan-peraturan bagi mengawalselia penubuhan pasukan bomba sukarela.

9. Sesuatu perintah supaya menghentikan kegiatan yang dibuat oleh Ketua Pengarah hendaklah dibuat dalam Borang G dan *fasal 8* membentangkan borang ini.

10. *Fasal 9* bertujuan memasukkan suatu Jadual Kedua baru yang menyatakan pangkat Pegawai Bomba dan juga Pegawai Bomba Bantuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U-) 1724.]